

Kes pelajar cedera diserang bukti masalah disiplin masih serius

KEJADIAN empat pelajar cedera termasuk seorang parah ditikam selepas diserang sekumpulan lelaki berhampiran hentian bas di sebuah sekolah di Kapar, walaupun kes terpencil, perlu diambil perhatian berat semua pihak.

Masalah disiplin di kalangan pelajar bukan masalah baru dan sentiasa menjadi perhatian semua pihak terutama guru, ibu bapa, masyarakat, sekolah dan Kementerian Pelajaran.

Media juga sering memaparkan isu berkaitan masalah disiplin pelajar kerana ia sering menarik minat semua

pihak. Apa yang berlaku kepada pelajar menarik minat ramai kerana pelajar, sebagai generasi muda adalah golongan pelapis generasi yang bakal menentukan jatuh bangun negara.

Kegagalan mengawal masalah disiplin pelajar juga boleh mengganggu sistem pembelajaran dan pengajaran di sekolah. Jika sistem pembelajaran dan pengajaran di sekolah terganggu, ia boleh memberi kesan kepada usaha melahirkan kecemerlangan pendidikan.

Ibu bapa adalah pihak paling bimbang apabila memperkatakan masalah disiplin

pelajar kerana ia banyak membabitkan masa depan anak. Dalam menangani masalah disiplin, pelbagai usaha sudah, sedang dan akan dilakukan pelbagai pihak terbabit.

Pelbagai usaha, program dan aktiviti dan peraturan dilaksanakan dalam mengekang masalah disiplin daripada berleluasa. Usaha ini perlu berterusan.

Bagi pihak pelajar, mereka perlu bijak mengawal emosi. Emosi yang gagal dikawal boleh menyumbang kepada tindakan agresif.

Pada peringkat perkembangan remaja, banyak konflik

dihadapi terutama dalam usaha mencari identiti diri. Adakalanya perkara remeh boleh bertukar menjadi pergaduhan besar jika emosi tidak dapat dikawal.

Sering kali pelajar bertindak tanpa berfikir panjang kesan tindakannya. Justeru, sebelum bertindak, pelajar perlu menyedari sebarang tindakan negatif yang dilakukan boleh membawa padah termasuk terbabit dalam kes jenayah.

DR SAPORA SIPON,
*Universiti Sains Islam
Malaysia (Usim).*